



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	23/6/2021	MUKA SURAT	:	37
JABATAN	:	PERHILITAN			

Oleh Nurul Husna Mahmud
nurul_husna@metro.com.my

Haiwan dan burung eksotik semakin mendapat permintaan dalam kalangan pencintanya untuk dimiliki sebagai haiwan peliharaan.

Golongan ini sanggup berhabis, baik untuk memiliki dan menjaga bagi memenuhi minat serta hobi.

Perlu dibetulkan bagi kelompok ini, selain aspek penjagaan perlu dititikberatkan, hal berkait dengan lesen atau permit kebenaran sah antara faktor yang perlu diberi keutamaan.

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Datuk Abdul Kadir Abu Hashim, setiap pemilik haiwan eksotik terutama spesies burung perlu membuat status milikan lesen dan permit tertentu. Ia bagi mengelakkan pemiliknya disabitkan kesalahan mengikut Akta 716.

Akta 716 merujuk kepada Akta Pemeliharaan Hidupan Liar 2010 bagi perlindungan dan pemeliharaan hidupan liar di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

"Akta 716 memperuntukkan bahawa mana-mana spesies hidupan liar yang dilindungi di bawah Jadual Pertama memerlukan lesen bagi tujuan penyimpanan sebagai haiwan peliharaan.

"Manakala penyimpanan bagi spesies hidupan liar yang dilindungi sepenuhnya di bawah Jadual Kedua hendaklah memperoleh kelulusan permit khas daripada menteri," katanya.

Tambah beliau, berdasarkan rekod sehingga tahun lalu, pihaknya sudah mengemukakan 26,451 lesen menyimpan hidupan liar kepada pemohon yang layak.



LANDAK raya tergolong dalam spesies dilindungi

MENYIMPAN HAIWAN LIAR

Setiap pemilik binatang eksotik terutama spesies burung perlu semak status milikan lesen

Lovebird.
"Bagi kategori reptilia dan mamalia seperti landak raya, musang pulut, chinchilla, ular sawa, Ball Python, iguana, Sukata Tortoise dan Indian Star Tortoise menjadi pilihan kerana mempunyai ciri-ciri unik dimiliki," katanya.

Bagi mengelakkan diperdaya peniaga haiwan eksotik yang tidak sah, Abdul Kadir menyarankan pemilik menyemak status haiwan terbit dengan Perhilitan.

"Jika terdapat sebarang yang meragukan membabitkan status haiwan berkenaan terutama mereka yang membeli haiwan terbit dalam talian, rujuk terlebih dahulu dengan pihak Perhilitan."

"Ini bagi mengelak pemilik disabitkan dengan kesalahan berbubuh aktiviti memburu, mengambil atau menyimpan hidupan liar tanpa lesen selain boleh denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

"Bagi kesalahan sekiranya memiliki spesies yang tertaklak di bawah permit khas boleh denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya."

"Selain itu, kesalahan menyimpan hidupan liar yang tidak matang atau hidupan liar betina boleh dikenakan penalti yang lebih tinggi," katanya.



Ular sawa selalu memerlukan lesen.



ADA yang memaklumkan mesangki buket kepada anak-anak, tetapi anak-anak tersebut telah dipukul kerana mereka telah membeli haiwan tersebut.



Dua spesies kura-kura, Sukata Tortoise dan Indian Star Tortoise perlu dapat kebenaran bagi memilikinya.